



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

JUMAAT, 9 FEBRUARI 2024

LAPORAN HARIAN





UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

9/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>PUKUL BAYI, PENGASUH DIREMAN TUJUH HARI</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1058835/pukul-bayi-pengasuh-direman-tujuh-hari">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1058835/pukul-bayi-pengasuh-direman-tujuh-hari</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/02/08/pengasuh-dera-bayi-perempuan-11-bulan-direman-tujuh-hari/">https://www.kosmo.com.my/2024/02/08/pengasuh-dera-bayi-perempuan-11-bulan-direman-tujuh-hari/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1210153/pukul-bayi-11-bulan-pengasuh-direman-tujuh-hari">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1210153/pukul-bayi-11-bulan-pengasuh-direman-tujuh-hari</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/648585/berita/semasa/dera-bayi-pengasuh-direman-tujuh-hari">https://www.sinarharian.com.my/article/648585/berita/semasa/dera-bayi-pengasuh-direman-tujuh-hari</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dera-bayi-pengasuh-direman-tujuh-hari-457436">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dera-bayi-pengasuh-direman-tujuh-hari-457436</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=MTKSWq9kSSI">https://www.youtube.com/watch?v=MTKSWq9kSSI</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/02/pengasuh-dera-bayi-perempuan-11-bulan-direman-tujuh-hari/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/02/pengasuh-dera-bayi-perempuan-11-bulan-direman-tujuh-hari/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=TIKraoDulkg">https://www.youtube.com/watch?v=TIKraoDulkg</a>	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>LAPORKAN JIKA TERDAPAT TASKA, TADIKA BEROPERASI TIDAK BERDAFTAR – ROSEY</b>	
	<a href="https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/laporkan-jika-terdapat-taska-tadika-beroperasi-tidak-berdaftar-rosey-x8scmlu">https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/laporkan-jika-terdapat-taska-tadika-beroperasi-tidak-berdaftar-rosey-x8scmlu</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=_5pAm6ngSv8">https://www.youtube.com/watch?v=_5pAm6ngSv8</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2024/02/08/laporkan-jika-terdapat-taska-tadika-beroperasi-tidak-berdaftar-rosey/">https://www.tvsarawak.my/2024/02/08/laporkan-jika-terdapat-taska-tadika-beroperasi-tidak-berdaftar-rosey/</a>	TVSARAWAK.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	<b>SASAR BINA LEBIH BANYAK PAWE</b>	
	<a href="https://www.melakahariini.my/sasar-bina-lebih-banyak-pawe/">https://www.melakahariini.my/sasar-bina-lebih-banyak-pawe/</a>	MELAKAHARIINI.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

9/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
4	<b>KERAJAAN PERHALUSI CADANGAN PERKASA GOLONGAN MUDA MENGENAI PENCEGAHAN HIV/AIDS - ZAHID</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1210198/kerajaan-perhalusi-cadangan-perkasa-golongan-muda-mengenai">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1210198/kerajaan-perhalusi-cadangan-perkasa-golongan-muda-mengenai</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2268906">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2268906</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2024/02/1011135/govt-planning-programmes-curb-hiv-and-aids-among-youths">https://www.nst.com.my/news/nation/2024/02/1011135/govt-planning-programmes-curb-hiv-and-aids-among-youths</a>	NST.COM.MY
	<a href="https://thesun.my/cerita/berita/zahid-kerajaan-perhalusi-cadangan-perkasa-golongan-muda-tentang-hiv-aids-KE12077638">https://thesun.my/cerita/berita/zahid-kerajaan-perhalusi-cadangan-perkasa-golongan-muda-tentang-hiv-aids-KE12077638</a>	THESUN.MY
	<a href="https://thesun.my/local_news/zahid-govt-to-study-proposal-to-empower-youth-with-accurate-knowledge-about-hiv-aids-EE12078084">https://thesun.my/local_news/zahid-govt-to-study-proposal-to-empower-youth-with-accurate-knowledge-about-hiv-aids-EE12078084</a>	THESUN.MY
	<a href="https://www.bernama.com/en/news.php?id=2269017">https://www.bernama.com/en/news.php?id=2269017</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/02/08/dpm-zahid-govt-to-study-proposal-to-empower-youth-with-accurate-knowledge-about-hiv-aids/117038">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/02/08/dpm-zahid-govt-to-study-proposal-to-empower-youth-with-accurate-knowledge-about-hiv-aids/117038</a>	MALAYMAIL.COM
	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kerajaan-komited-perkasa-pengetahuan-hiv-aids-terhadap-golongan-belia">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kerajaan-komited-perkasa-pengetahuan-hiv-aids-terhadap-golongan-belia</a>	BERITA.RTM.GOV.MY
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/belia-2029-tahun-paling-ramai-hidap-hiv-aids-zahid-457424">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/belia-2029-tahun-paling-ramai-hidap-hiv-aids-zahid-457424</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://media-perpaduan.com/2024/02/08/kerajaan-komited-perkasa-pengetahuan-hiv-aids-terhadap-golongan-belia-nancy/">https://media-perpaduan.com/2024/02/08/kerajaan-komited-perkasa-pengetahuan-hiv-aids-terhadap-golongan-belia-nancy/</a>	MEDIA-PERPADUAN.COM
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/keciciran-murid-majikan-menggaji-pelajar-akan-dipantau-berkala/">https://www.buletintv3.my/nasional/keciciran-murid-majikan-menggaji-pelajar-akan-dipantau-berkala/</a>	BULETINTV3.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=NjDntY9hpdw">https://www.youtube.com/watch?v=NjDntY9hpdw</a>	YOUTUBE



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

9/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
5	<b>GOVT TO MONITOR EMPLOYERS TO DETER STUDENTS FROM DROPPING OUT OF SCHOOL</b>	
	<a href="https://www.freemalysiatoday.com/category/nation/2024/02/08/govt-to-monitor-employers-to-deter-students-from-dropping-out-of-school/">https://www.freemalysiatoday.com/category/nation/2024/02/08/govt-to-monitor-employers-to-deter-students-from-dropping-out-of-school/</a>	FREEMALYSIATODAY.COM
	<a href="https://malysiagazette.com/2024/02/08/isu-keciciran-murid-sekolah-jadi-keutamaan-kerajaan-tpm/">https://malysiagazette.com/2024/02/08/isu-keciciran-murid-sekolah-jadi-keutamaan-kerajaan-tpm/</a>	MALYSIAGAZETTE.COM
	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kerajaan-tingkatkan-usaha-tangani-isu-keciciran-pelajar">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kerajaan-tingkatkan-usaha-tangani-isu-keciciran-pelajar</a>	BERITA.RTM.GOV.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=jSUpZrn8u-Y">https://www.youtube.com/watch?v=jSUpZrn8u-Y</a>	YOUTUBE
	<a href="https://malysiagazette.com/2024/02/08/mgnews-isu-keciciran-murid-sekolah-menengah-bakal-ditangani-segera/">https://malysiagazette.com/2024/02/08/mgnews-isu-keciciran-murid-sekolah-menengah-bakal-ditangani-segera/</a>	MALYSIAGAZETTE.COM
	<a href="https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/02/08/kerajaan-pantau-majikan-gajikan-pelajar-sekolah/">https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/02/08/kerajaan-pantau-majikan-gajikan-pelajar-sekolah/</a>	FREEMALYSIATODAY.COM
	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2024/02/1011149/govt-boost-efforts-tackle-secondary-school-dropout-issues-says-zahid">https://www.nst.com.my/news/nation/2024/02/1011149/govt-boost-efforts-tackle-secondary-school-dropout-issues-says-zahid</a>	NST.COM.MY
	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2024/02/1011153/awareness-campaign-cash-aid-among-measures-curb-rising-school-dropout">https://www.nst.com.my/news/nation/2024/02/1011153/awareness-campaign-cash-aid-among-measures-curb-rising-school-dropout</a>	NST.COM.MY
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/02/08/majikan-menggaji-pelajar-akan-dipantau-secara-berkala-ahmad-zahid/">https://www.kosmo.com.my/2024/02/08/majikan-menggaji-pelajar-akan-dipantau-secara-berkala-ahmad-zahid/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://suara.tv/08/02/2024/bantu-keluarga-susah-punca-14506-pelajar-sekolah-menengah-cicir-zahid/">https://suara.tv/08/02/2024/bantu-keluarga-susah-punca-14506-pelajar-sekolah-menengah-cicir-zahid/</a>	SUARA.TV
	<a href="https://ismaweb.net/2024/02/08/14506-pelajar-sekolah-menengah-tercicir-tahun-lepas/">https://ismaweb.net/2024/02/08/14506-pelajar-sekolah-menengah-tercicir-tahun-lepas/</a>	ISMAWEB.NET

BIL	PERKARA	SUMBER
6	<b>KBS AMBIL LANGKAH PROAKTIF GALAK WARGA EMAS BERSUKAN</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/sukan/lain-lain/2024/02/1210240/kbs-ambil-langkah-proaktif-galak-warga-emas-bersukan">https://www.bharian.com.my/sukan/lain-lain/2024/02/1210240/kbs-ambil-langkah-proaktif-galak-warga-emas-bersukan</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://thesun.my/sport/28-stakeholders-involved-in-roundtable-on-sports-culture-among-senior-citizens-DL12080762">https://thesun.my/sport/28-stakeholders-involved-in-roundtable-on-sports-culture-among-senior-citizens-DL12080762</a>	THESUN.MY
	<a href="https://thesun.my/cerita/28-pemegang-taruh-sukan-terlibat-sesi-meja-bulat-pembudayaan-sukan-warga-emas-ML12080738">https://thesun.my/cerita/28-pemegang-taruh-sukan-terlibat-sesi-meja-bulat-pembudayaan-sukan-warga-emas-ML12080738</a>	THESUN.MY



UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

9/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
7	<b>PROGRAM ISM EXECUTIVE TALK SIRI 1/2024 "CABARAN KESEJAHTERAAN SOSIO-EKONOMI WANITA DI MALAYSIA"</b>	
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=du--Qc31v-A">https://www.youtube.com/watch?v=du--Qc31v-A</a>	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
8	<b>WANITA TINGGALKAN BAYI DALAM TANDAS HOSPITAL TAWAU DIJEL 15 TAHUN</b>	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/02/08/wanita-tinggalkan-bayi-dalam-tandas-hospital-tawau-dijel-15-tahun/">https://www.kosmo.com.my/2024/02/08/wanita-tinggalkan-bayi-dalam-tandas-hospital-tawau-dijel-15-tahun/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1058840/ibu-sebabkan-kematian-bayi-dalam-tandas-dipenjara">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1058840/ibu-sebabkan-kematian-bayi-dalam-tandas-dipenjara</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/02/08/sebabkan-kematian-bayi-sendiri-wanita-dipenjara-15-tahun/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/02/08/sebabkan-kematian-bayi-sendiri-wanita-dipenjara-15-tahun/</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
9	<b>SABAHAN POLITICIAN'S SON CHARGED WITH SEXUAL ABUSE AGAINST FORM 5 FEMALE STUDENT</b>	
	<a href="https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/02/1011275/sabahan-politicians-son-charged-sexual-abuse-against-form-5-female">https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/02/1011275/sabahan-politicians-son-charged-sexual-abuse-against-form-5-female</a>	NST.COM.MY
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1210229/anak-pemimpin-politik-didakwa-lakukan-amang-seksual">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1210229/anak-pemimpin-politik-didakwa-lakukan-amang-seksual</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1058914/anak-pemimpin-politik-tak-mengaku-salah-amang-seksual-fizikal-gadis">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1058914/anak-pemimpin-politik-tak-mengaku-salah-amang-seksual-fizikal-gadis</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/695725">https://www.malaysiakini.com/news/695725</a>	MALAYSIAKINI.COM
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=LuPiyAHxihQ">https://www.youtube.com/watch?v=LuPiyAHxihQ</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/228546/anak-pemimpin-politik-semporna-didakwa-amang-seksual-pelajar-perempuan/">https://www.dailyexpress.com.my/news/228546/anak-pemimpin-politik-semporna-didakwa-amang-seksual-pelajar-perempuan/</a>	DAILYEXPRESS.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

UKK KPWKM



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

9/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
10	<b>SARJAN POLIS TAK MENGAKU SALAH ROGOL REMAJA</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1058784/sarjan-polis-tak-mengaku-salah-rogol-remaja">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1058784/sarjan-polis-tak-mengaku-salah-rogol-remaja</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/02/08/police-sergeant-charged-with-raping-teenager-in-ipoh/116996">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/02/08/police-sergeant-charged-with-raping-teenager-in-ipoh/116996</a>	MALAYMAIL.COM
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/02/08/police-sergeant-charged-with-raping-form-4-teen/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/02/08/police-sergeant-charged-with-raping-form-4-teen/</a>	FREEMALYSIATODAY.COM
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/02/08/police-sergeant-charged-with-raping-teenager">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/02/08/police-sergeant-charged-with-raping-teenager</a>	THESTAR.COM.MY
	<a href="https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/02/1011063/policeman-charged-raping-teenager">https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/02/1011063/policeman-charged-raping-teenager</a>	NST.COM.MY
	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/695674">https://www.malaysiakini.com/news/695674</a>	MALAYSIAKINI.COM
	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/02/08/sarjan-mengaku-tidak-bersalah-rogol-remaja-16-tahun/">https://malaysiagazette.com/2024/02/08/sarjan-mengaku-tidak-bersalah-rogol-remaja-16-tahun/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1210070/sarjan-polis-didakwa-rogol-remaja-bawah-umur-dalam-kereta">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1210070/sarjan-polis-didakwa-rogol-remaja-bawah-umur-dalam-kereta</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/648529/berita/semasa/sarjan-tak-mengaku-rogol-pelajar">https://www.sinarharian.com.my/article/648529/berita/semasa/sarjan-tak-mengaku-rogol-pelajar</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sarjan-polis-mengaku-tidak-bersalah-rogol-pelajar-tingkatan-empat-457363?">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sarjan-polis-mengaku-tidak-bersalah-rogol-pelajar-tingkatan-empat-457363?</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/02/sarjan-polis-mengaku-tidak-bersalah-rogol-remaja-perempuan-16-tahun/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/02/sarjan-polis-mengaku-tidak-bersalah-rogol-remaja-perempuan-16-tahun/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/02/08/rogol-remaja-16-tahun-sarjan-mengaku-tak-salah/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/02/08/rogol-remaja-16-tahun-sarjan-mengaku-tak-salah/</a>	FREEMALYSIATODAY.COM
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=NUXOZPoSN5s">https://www.youtube.com/watch?v=NUXOZPoSN5s</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2268849">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2268849</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://siakapkei.my/2024/02/08/sarjan-polis-didakwa-rogol-remaja-dalam-kereta/">https://siakapkei.my/2024/02/08/sarjan-polis-didakwa-rogol-remaja-dalam-kereta/</a>	SIAKAPKEI.MY
	<a href="https://mgperak.com/mgperak-rogol-remaja-di-dalam-kereta-sarjan-polis-mengaku-tidak-bersalah/">https://mgperak.com/mgperak-rogol-remaja-di-dalam-kereta-sarjan-polis-mengaku-tidak-bersalah/</a>	MGPERAK.COM
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=TXxbzL1Uj10">https://www.youtube.com/watch?v=TXxbzL1Uj10</a>	YOUTUBE
	<a href="https://suarasarawak.my/sarjan-polis-didakwa-rogol-remaja-dalam-kereta/">https://suarasarawak.my/sarjan-polis-didakwa-rogol-remaja-dalam-kereta/</a>	SUARASARAWAK.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

f t i kpwkm

9/2/2024

<https://www.youtube.com/watch?v=KHjvgijAJx8>

YOUTUBE

<https://www.youtube.com/watch?v=M6iBKgQa5qc>

YOUTUBE

<https://www.youtube.com/watch?v=qvN2Pe5cRrg>

YOUTUBE

<https://www.buzzkini.com/news/2024/02/08/sarjan-polis-didakwa-rogol-pelajar-tingkatan-4-mengaku-tidak-bersalah/>

BUZZKINI.COM

<https://www.youtube.com/watch?v=OIJuRjRc5V4>

YOUTUBE

<https://mykmu.net/2024/02/08/rogol-remaja-16-tahun-sarjan-mengaku-tak-salah/>

MYKMU.NET

BIL

PERKARA

SUMBER

11 LETIH, LEBIH KERJA PUNCA LUPA ANAK DALAM KERETA, KATA PAKAR

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/02/08/letih-lebih-kerja-punca-lupa-anak-dalam-kereta-kata-pakar/>

FREEMALYSIATODAY.COM



## Pukul bayi, pengasuh direman tujuh hari

Ahmad Hasbi  
am@hmetro.com.my



Seremban: Pengasuh pusat jagaan kanak-kanak direman tujuh hari bermula hari ini bagi membantu siasatan kes penderaan bayi berusia 11 bulan ketika dalam jagaannya 5 Februari lalu.

Bayi perempuan itu dikatakan cedera pada mata dipercayai [dipukul pengasuh](#) wanita berusia 66 tahun di pusat asuhan terbabit yang terletak di Nilai.

Ketua Polis Daerah Nilai, Superintendan Abdul Malik Hasim berkata, permohonan reman terhadap suspek dibuat di Mahkamah Majistret Seremban pagi ini.

"Mahkamah membenarkan reman sehingga 14 Februari bagi melengkapkan kertas siasatan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Abdul Malik berkata, siasatan mendapati pusat asuhan itu beroperasi kira-kira 20 tahun dan mendapat kelulusan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Sembilan.

"Semakan juga mendapati pengasuh ini tidak mempunyai rekod jenayah dan tidak terbabit dengan penyalahgunaan dadah," katanya.

Media semalam melaporkan polis menahan pengasuh wanita warga emas, disyaki mendera bayi perempuan berusia 11 bulan ketika dalam jagaannya pada 5 Februari lalu.




PENGASUH direman tujuh hari bagi membantu siasatan kes penderaan bayi berusia 11 bulan. FOTO Azrul Edham



## Laporkan jika terdapat taska, tadika beroperasi tidak berdaftar – Rosey

Masyarakat diminta untuk melaporkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sarawak sekiranya terdapat taska atau tadika yang beroperasi secara tidak berdaftar di kawasan mereka.



KALSOM ditemani Noor Izatullemy ketika melawat pesakit-pesakit yang menjalankan dialisis di Pusat Haemodialisis Yakin Prima Jaya, Peringgit.

## Sasar bina lebih banyak PAWE



FIQA JAMAL

KHAMIS, 8 FEBRUARI 2024 @ 12:00

PENGKALAN BATU 8 Februari – Kerajaan Negeri sedang meneliti dan mengkaji lokasi baharu yang bersesuaian untuk meluaskan lagi inisiatif Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di Melaka.

Mengulas lanjut, Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri, Datuk Kalsom Noordin berkata setakat ini setiap parlimen di Melaka mempunyai tujuh PAWE.

Katanya, Kerajaan Negeri menyasarkan sebanyak 28 PAWE akan ditubuhkan bagi mengurangkan kebergantungan warga emas kepada institusi kebajikan.

"Baru-baru ini Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri dalam lawatannya ke Melaka menyatakan inisiatif peluasan PAWE di peringkat komuniti seluruh negara.


"Melaka akan menjadi negeri yang menua pada tahun 2030, jadi usaha membangunkan PAWE kita buka kepada mana-mana komuniti yang ingin turut bersama-sama menjayakan inisiatif ini. Suka juga saya maklumkan bahawa PAWE ini boleh mohon geran RM50,000 di bawah kementerian mengikut keperluan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Melaka Hari Ini ketika ditemui pada program penyerahan hamper sempena Tahun Baharu Cina di Pusat Haemodialisis Yakin Prima Jaya, di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Haemodialisis Yakin Prima Jaya, Noor Izatullemy Mat Saad.

Sebelum ini, media melaporkan kenyataan Nancy mengenai inisiatif peluasan PAWE di peringkat komuniti yang dilihat mampu mengatasi kepadatan penghuni di Rumah Seri Kenangan di negara ini.

Nancy berkata ia juga sebagai usaha memastikan golongan warga emas terus produktif dan dapat menjalani kehidupan harian yang lebih selamat serta selesa.



## Kerajaan perhalusi cadangan perkasa golongan muda mengenai pencegahan HIV/Aids - Zahid

Oleh BERNAMA - Februari 8, 2024 @ 2:53pm



Foto hiasan

PUTRAJAYA: Kerajaan akan memperhalusi cadangan bagi memperkasakan golongan belia dengan pengetahuan yang tepat mengenai HIV/AIDS, langkah pencegahan dan isu berkaitan, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata, langkah itu adalah mengambil kira situasi semasa kes HIV/AIDS di Malaysia ketika ini yang menunjukkan peratusan laporan kes tertinggi adalah membabitkan golongan itu.

"Maka terdapat keperluan untuk memperluas dan memperhebat program pencegahan, kawalan dan rawatan berkaitan HIV/AIDS memandangkan taburan kes HIV/AIDS mengikut umur menunjukkan 74 peratus kes yang dilaporkan adalah membabitkan golongan muda berumur antara 20 dan 29 tahun," katanya dalam kenyataan media yang dibacakan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri.

Terdahulu, Ahmad Zahid mempengerusikan Mesyuarat Majlis Sosial Negara Bil 1/2024, di sini, hari ini.

Katanya, antara cadangan lain yang dikemukakan dalam mesyuarat berkenaan ialah mewujudkan rumah perlindungan bagi mengendalikan jagaan susul bagi Orang Dengan HIV/AIDS (ODHA) yang tersisih daripada keluarga dan tiada sokongan serta meningkatkan keterjaminan pekerjaan dan pendidikan untuk ODHA.

Selain daripada itu, terdapat juga cadangan untuk melaksanakan pemantauan berterusan dan sekatan ke atas laman web yang menyebarkan bahan lucah atau aplikasi rangkaian sosial yang menjerus kepada aktiviti berisiko tinggi HIV.

Ahmad Zahid berkata, mesyuarat turut membincangkan mengenai strategi penyelesaian bagi isu keciciran murid sekolah menengah dengan menggariskan beberapa cadangan penambahbaikan termasuk menyebarkan maklumat kepentingan mendapatkan pendidikan sekurang-kurangnya sehingga Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Katanya, sebaran maklumat boleh dibuat kepada golongan sasaran melalui media cetak, media elektronik dan media sosial.

Beliau berkata, empat faktor telah dikenal pasti sebagai punca keciciran murid iaitu tidak berminat ke sekolah, terpaksa bekerja untuk menampung perbelanjaan sara hidup keluarga, masalah keluarga dan kemiskinan.

Justeru, katanya, mesyuarat mencadangkan pemantauan berkala dilakukan ke atas majikan yang mengambil pekerja yang masih bersekolah agar mereka mematuhi syarat dan waktu bekerja yang ditetapkan; membantu keluarga yang kesempitan kewangan serta memberi bantuan kewangan mencukupi kepada murid mengikut keperluan dan lokaliti tempat tinggal.


"Turut dicadangkan penyediaan pusat latihan vokasional, perkhidmatan kaunseling kepada ibu bapa atau penjaga, sokongan psikososial serta penyediaan ruang pembelajaran seperti pusat komuniti atau pusat aktiviti untuk memudahkan murid belajar.

"Kerajaan mengambil maklum mengenai penambahbaikan dasar bagi memastikan layanan adil kepada pengguna yang terdedah.

"Ia termasuk menerapkan amalan baik yang boleh dilaksanakan oleh penyedia perkhidmatan kewangan untuk golongan orang kurang upaya (OKU) dari segi umum, mesin juruwang automatik (ATM), perbankan dalam talian dan cawangan atau premis," kata Ahmad Zahid.

Dasar itu, menurut beliau juga akan menggariskan dua objektif utama iaitu menggalakkan penyedia perkhidmatan kewangan untuk mempertimbangkan dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap kepentingan serta keperluan pengguna yang terdedah dalam menjalankan perniagaan dan operasi.

Selain itu, katanya, ia bertujuan menetapkan keperluan yang perlu dipatuhi oleh semua penyedia perkhidmatan kewangan bagi menyediakan sokongan yang sesuai kepada pengguna yang terdedah selaras dengan hasil layanan yang adil.



## Govt to monitor employers to deter students from dropping out of school

This initiative also aims to ensure employers comply with working conditions and the hours prescribed under the law for minors.

Mohamad Fadli - 08 Feb 2024, 4:39pm



*The government recorded 14,506 secondary school dropouts last year.*

PUTRAJAYA: The government is to regularly monitor employers employing students to prevent them from dropping out of school.

This is among proposals agreed upon at today's Majlis Sosial Negara meeting chaired by deputy prime minister Ahmad Zahid Hamidi and attended by women, family and community development minister Nancy Shukri.

A strategy to address the dropout problem was among two discussion papers presented at the meeting. The other concerned the HIV situation in Malaysia.

In a statement read out by Nancy, Zahid said the government recorded 14,506 dropouts from secondary schools last year.


"Regular monitoring of employers hiring schoolgoing workers will also help ensure compliance with the working conditions and hours prescribed (under the law)," he said.

According to the Children and Young Persons (Employment) Act 1966, those aged 15 and below are not allowed to work more than seven hours a day, including during school hours, and not more than six days a week.

Students aged 15 and above, but under 18, are not allowed to work more than eight hours a day, including during school hours.

Other strategies to tackle the dropout issue include increasing awareness of the importance of education up to the SPM level, setting up more vocational training centres and providing counselling support to parents.

On the prevention and control of HIV and AIDS, the meeting deliberated on measures to limit access to websites sharing pornography or social media platforms that encourage risky behaviour.



## KBS ambil langkah proaktif galak warga emas bersukan

Oleh Helmi Talkah - Februari 8, 2024 @ 4:24pm  
helmi.talkah@bh.com.my



Hannah mempengerusikan mesyuarat RTD hari ini.

PUTRAJAYA: Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sedang mengambil langkah proaktif bagi menggalakkan sukan dalam kalangan warga emas untuk memastikan kesihatan fizikal, rohani dan mental golongan itu terpelihara.

Usaha itu diterjemahkan menerusi Sesi Perbincangan Meja Bulat (RTD) berkaitan pembudayaan sukan dalam kalangan warga emas yang berlangsung di Menara KBS di sini, hari ini.

Perbincangan itu dipengerusikan Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh selain turut dihadiri Ketua Setiausaha KBS, Dr Nagulendran Kangayatkarasu dan Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN), Mohd Azhari Mohammad.

Sebanyak 21 pemegang taruh turut bersama dalam perbincangan berkenaan antaranya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (YAKEB), Malaysian Research Institute on Ageing, Universiti Putra Malaysia, Myageing Institution (Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia) dan Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM).

KBS dalam satu kenyataan, berkata berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada tahun 2023, populasi penduduk Malaysia yang berumur 60 tahun ke atas kini mencecah 11.1 peratus.

Katanya, statistik ini dijangka meningkat kepada 15 peratus menjelang tahun 2030 menjadikan Malaysia dikategorikan sebagai sebuah negara menua, menurut definisi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Sehubungan dengan itu, sedang mengambil langkah proaktif dengan menggalakkan sukan dalam kalangan warga emas untuk memastikan kesihatan fizikal, rohani dan mental golongan ini terpelihara.

"Usaha KBS ini selari dengan pendekatan mencegah lebih baik daripada mengubati bagi penyakit tidak berjangkit (non communicable diseases – NCD), serta diharapkan dapat mengurangkan beban bil perubatan yang tinggi kepada Kerajaan.

"Sesi ini diadakan adalah untuk mendapatkan pandangan, idea dan maklum balas daripada pemegang taruh sukan warga emas termasuk daripada jabatan/agensi kerajaan, sektor swasta, badan sukan, dan pertubuhan bukan kerajaan," katanya.

Pada masa sama, KBS memaklumkan input yang diterima dalam sesi perbincangan itu diharapkan dapat membantu kementerian itu melalui JBSN untuk membina jaringan kerjasama strategik bersama pemegang taruh seterusnya menyokong usaha pemerkasaan pembangunan sukan untuk semua (sports for all), termasuk dalam kalangan warga emas.

Katanya, sesi itu turut menyumbang kepada pemerkasaan pembangunan sukan untuk semua seiring dengan kerangka Malaysia MADANI dan Visi Sukan Negara 2030 (VSN 2030).



## Wanita tinggalkan bayi dalam tandas Hospital Tawau dijel 15 tahun

Oleh IVAN AMIRUL 8 Februari 2024, 5:04 pm



Gambar hiasan

TAWAU – Mahkamah Sesyen Tawau, hari ini, menjatuhkan hukuman 15 tahun penjara ke atas seorang wanita atas kesalahan meninggalkan bayi lelaki dalam tandas sebuah hospital hingga mengakibatkan kematian pada 13 Oktober tahun lalu.


Tertuduh, Mazidah Minggu, 24, mengaku bersalah melakukan perbuatan itu di hadapan hakim, Rosli Ahmad dan seterusnya mensabitkan wanita berkenaan dengan pertuduhan mengikut Seksyen 309B Kanun Keseksaan.

Rosli dalam penghakiman ringkasnya berkata, keputusan dibuat selepas mengambil kira fakta kes, hujah dan faktor pemberat pihak pendakwaan, rayuan tertuduh serta faktor kepentingan awam.

Selain itu, mahkamah juga memerintahkan tertuduh menjalani hukuman bermula dari tarikh ditangkap iaitu pada 19 Oktober 2023.

Mengikut pertuduhan, tertuduh dengan sengaja meninggalkan bayi yang baru dilahirkan sehingga menyebabkan kematian di tandas awam perempuan Jabatan Kecemasan dan Trauma, Hospital Tawau pada 13 Oktober tahun lalu kira-kira pukul 7.10 pagi.

Prosiding dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohd Suhaimi Suriana manakala tertuduh tidak diwakili peguam. – KOSMO! ONLINE



## Sabahan politician's son charged with sexual abuse against Form 5 female student

By Abdul Rahemang Taiming - February 8, 2024 @ 7:42pm



The son of a Sabahan politician faces sexual abuse charges. -NSTP/ABDUL RAHEMANG TAIMING

TAWAU: The son of a Sabahan politician appeared before the Sessions Court here today, facing charges of sexual abuse against a form five female student on Dec 13 last year.

Mohd Nadzmi Abdul Manan, 25, pleaded not guilty when the charges were read before Judge Rosli Ahmad.

The accused was alleged to have exposed his genitals to the 17-year-old student in a four-wheel drive vehicle on the roadside along Jalan Pokas-Kuala Bebang, Semporna, at around 2.30pm on Dec 13, 2023.


He is being charged under Section 15(a)(i) of the Sexual Offences Against Children Act 2017, which carries a maximum penalty of up to 10 years imprisonment or a fine of up to RM20,000, or both upon conviction.

The accused, who was not represented, cried when he pleaded with the court to be granted bail.

"Your honour, I plead to be granted bail, please, your honour I want bail," he said.

However, deputy public prosecutor Mohd Suhaimi Suriana said they were not offering bail as the case was not bailable, seeing that the punishment period for the offence exceeded five years.

The court set March 12 for case management and mention.



## Sarjan polis tak mengaku salah rogol remaja

Muhammad Zulsyamini Sufian Suri  
am@hmetro.com.my



SHARIL Amir (tengah) ketika hadir di Mahkamah Sesyen Ipoh. FOTO L Manimaran

Ipoh: Seorang anggota polis berpangkat sarjan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini hari ini atas dakwaan merogol seorang remaja perempuan yang juga pelajar Tingkatan 4, bulan lalu.

Tertuduh, Sharil Amir Shaari, 42, mengaku tidak bersalah sejourus pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Ainul Shahrin Mohamad.

Berdasarkan pertuduhan, lelaki itu didakwa merogol seorang wanita yang ketika itu berusia 16 tahun satu bulan dalam kereta di kawasan parkir hadapan sebuah pasar raya di Seri Iskandar Prima, Seri Iskandar kira-kira 4 petang, 12 Januari lalu.

Pertuduhan dibaca mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan.

Pertuduhan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Qurratu'aini Khalufah manakala tertuduh diwakili peguam, Ahmad Shamil Azad Abdul Hamid.

Qurratu'aini tidak menawarkan jaminan atas alasan kebimbangan tertuduh mengganggu mangsa serta saksi pendakwaan dalam kes ini.

Hakim kemudiannya membenarkan tertuduh dijamin RM5,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 25 Mac depan untuk sebutan kes.

Disiarkan pada: Februari 8, 2024 @ 11:08am